

Naib Canselor UPSI dilantik Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia Ke-15



Kuala Lumpur, 11 April - Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff dilantik sebagai Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) ke-15 bagi tempoh sehingga 30 Jun 2026.

Pelantikan itu diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, berkuat kuasa 7 Mac lalu, selaras peruntukan di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225], Seksyen 4(2) dan 4(3).

Menurut kenyataan UPSI, pelantikan itu diterima secara rasmi melalui surat Istana Negara bertarikh 10 Mac dan diterima MPM pada 17 Mac lalu. Prof Datuk Dr Md Amin menyifatkan pelantikan itu sebagai satu amanah besar dalam

memperkasa
sistem
pentaksiran

dan peperiksaan negara. "Saya menerima pelantikan ini dengan penuh rasa syukur dan tanggungjawab. Fokus utama saya adalah memastikan ketelusan, kredibiliti dan kebolehpercayaan sistem peperiksaan negara terus diperkukuh," katanya.

Beliau juga komited untuk memastikan MPM kekal responsif terhadap keperluan semasa termasuk digitalisasi dan keberkesanan pentaksiran. Sementara itu, Ketua Eksekutif MPM, Adnan Husin menyifatkan pelantikan Prof. Datuk Dr. Md Amin sebagai langkah tepat bagi membawa kepimpinan berwibawa serta visi segar ke arah reformasi sistem peperiksaan negara.

"Beliau bukan sahaja tokoh akademik berpengalaman tetapi juga pemimpin progresif yang akan memperkasa integriti dan inovasi dalam pentaksiran pendidikan," katanya.

Prof. Datuk Dr. Md Amin, 54, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Sukan dari UPSI pada tahun 2000; Postgraduate Diploma in Outdoor Education dan Ijazah Sarjana Outdoor Education dari University of Otago, New Zealand pada tahun 2004. Beliau seterusnya memperoleh Ijazah Doktor Falasafah (PhD) dalam Parks and Outdoor Recreation Management dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2000.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang pendidikan, pengurusan dan juga konsultansi dan sudah menerbitkan lebih 120 buah buku, artikel jurnal, prosiding, kertas polisi, laporan jemaah menteri dan artikel akhbar. Prof. Datuk Dr. Md Amin memulakan karier sebagai Guru Bukan Siswazah pada tahun 1993 hingga 2000.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI, SEAMEO SEN perkukuh kerjasama pendidikan khas dan inklusif

Tanjong Malim, 9 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima kunjungan hormat delegasi Southeast Asian Ministers of Education Organization Regional Centre for Special Educational Needs (SEAMEO SEN), sekali gus memperkukuh kerjasama strategik dalam bidang pendidikan khas dan inklusif di rantau Asia Tenggara.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata kunjungan itu merupakan satu penghormatan besar kepada UPSI dan mencerminkan komitmen bersama dalam memperluas jaringan kerjasama serantau dalam bidang pendidikan khas. Menurut beliau, komitmen UPSI dalam bidang tersebut dizahirkan melalui penubuhan 'Centre for Inclusive Research on Community and Disability' (CIRCLE), iaitu pusat kecemerlangan yang memfokus kepada penyelidikan dan pembangunan ke arah pemerkasaan komuniti serta individu berkeperluan khas.

"Melalui Fakulti Pembangunan Manusia UPSI (FPM) dan Jabatan Pendidikan Khas, UPSI terus menerajui latihan guru, pembangunan profesional dan kajian dalam pendidikan khas. Kolaborasi bersama SEAMEO SEN pastinya mampu memperkukuh lagi usaha ini," katanya. Md Amin

Pembentangan MyRA 2024 kekalkan pencapaian Lima Bintang

Tanjong Malim, 10 April – Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris telah mengadakan Majlis Sesi Pembentangan MyRA Tahun 2024, yang menampilkan hasil daripada auditan dalaman yang diketuai oleh Prof. Dr. Ilyas Md. Isa yang berlangsung dari 10 hingga 14 Mac 2025 menggunakan glosari baharu MyRA pindaan 2023.


MyRA adalah instrumen yang mengukur kecemerlangan penyelidikan melalui sistem analisis

berkata hubungan antara UPSI dan SEAMEO SEN bukanlah sesuatu yang baharu, malah pihak universiti amat menghargai kerjasama sedia ada dan berharap ia dapat diperluas pada masa akan datang. Antara cadangan kerjasama yang diketengahkan termasuk menjalankan penyelidikan bersama dalam bidang pendidikan khas dan inklusif, perkongsian fasiliti serta program latihan melalui pusat CIRCLE UPSI, penerbitan jurnal atau modul latihan secara bersama, dan pelaksanaan program mobiliti staf serta pelajar. "UPSI kekal komited untuk menjadi rakan strategik kepada SEAMEO SEN dalam memacu dasar dan amalan pendidikan khas serta inklusif di Malaysia dan rantau ini. "UPSI juga kini terlibat dalam projek penyelidikan pendidikan inklusif bersama SEAMEO SEN dan University of Minnesota, yang telah bermula tahun ini. Ini adalah contoh cemerlang kerjasama tiga pihak antara institusi tempatan, serantau dan antarabangsa," ujar beliau.

Sementara itu, Timbalan Pengarah SEAMEO SEN, Dr. Mohd Azlis Sani Md Jalil berkata pihaknya menyambut baik inisiatif UPSI dalam memperkukuh pendidikan inklusif dan melihat potensi besar untuk memperluas kerjasama dalam pelbagai aspek.

berdasarkan input-proses-output (IPO), hasil (outcome) dan impak Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan, dan Inovasi (R&D&C&I) Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia.

Data yang diisytiharkan merangkumi semua input daripada pihak pengurusan institusi dan output daripada semua staf akademik yang aktif, meskipun telah mencapai bilangan maksimum dalam seksyen atau sub-seksyen yang dinilai.



Pemindahan Ilmu (KTP) – Pembelajaran Mudah Alih (Mobile) sebagai Normal Baru dalam Pelajaran Vokal

Projek ini meneroka keberkesanan pembelajaran mudah alih dalam pengajaran vokal semasa pandemik COVID-19, menekankan cabaran dan keperluan untuk pembangunan profesional pendidik. Melalui bengkel dan latihan, ia bertujuan meningkatkan kemahiran digital pendidik, memperbaiki pengajaran muzik dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran masa depan dalam pendidikan.

Ilmu yang Berjaya dipindahkan:

Projek ini berjaya mengadaptasi pedagogi vokal tradisional ke format digital dan mengupayakan pendidik untuk meningkatkan kualiti pendidikan muzik.

Hasil Akhir kepada Industri:

Bengkel ini meningkatkan minat terhadap nyanyian klasik, memberi inspirasi kepada bakat baru dan menghubungkan profesional dengan bakat yang sedang berkembang.

Hasil Akhir Kepada Pembangunan Insan:

Peserta akan mempelajari teknik vokal klasik, mengembangkan kemahiran nyanyian praktikal dan meningkatkan penghargaan terhadap seni klasik, yang menyokong pertumbuhan artistik dan literasi budaya mereka.

Hasil Akhir Tidak Langsung yang Diterima Oleh Industri / Komuniti (Sasaran):

Bengkel teknik vokal klasik memperkaya seni, meningkatkan pendidikan muzik

serta memperkuat kerjasama antara profesional vokal, membuka peluang untuk kolaborasi dan inovasi dalam sektor budaya tempatan.

Isu/ Cabaran Projek:

Pelan awal projek melibatkan banyak bengkel tetapi dikurangkan kerana masalah jadual dan kekangan, menyebabkan dana tidak digunakan. Menyesuaikan bajet selepas perubahan jadual menjadi cabaran.

Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama:

Dr. Yap Jin Hin (FMSP), Prof. Madya Dr. Kamarulzaman bin Mohamed Karim (FMSP), Dr. Flory Ann Mansor Gingging (FMSP) dan Dr. Abdul Rahman bin Safian (FMSP).



Majlis Pelantikan Tiga Profesor



Bengkel Onboarding Anggota Majlis MQA dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri



Komited Bantu Kanak-kanak di Malaysia: Perbincangan Strategik Antara NCDRC dan UNICEF



Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Sekolah Rendah Seri Budiman, UPSI